



Berita@UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

ISSN 1985 - 4706



9771985 470003

KANDUNGAN

**HARI PERTAMA
NAIB CANSELOR KEDUA UTeM**

**NAIB CANSELOR UTeM
KUNJUNG HORMAT TYT**

PENA KETUA EDITOR

**92 TERIMA ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG UTeM**

**PENYELIDIK UTeM RAIH
TUJUH PINGAT DI INPEX 2008**

LAWATAN KERJA RASMI DI AUSTRALIA

ORKESTRA UTeM DIRAI

AKTIVITI-AKTIVITI UTeM :: JUN-JULAI 2008

**PEJABAT CANSELOR TUAN RUMAH
PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA
NAIB CANSELOR UTeM BIL. 5/2008**

**UCAPAN BALAS NAIB CANSELOR DALAM
PERHIMPUNAN BULANAN**

**PENDAFTARAN PELAJAR BARU UTeM
SESI 2008/2009**

TAHNIAH - KENAIKAN PANGKAT

**EDITOR BERITA@UTeM**

KETUA EDITOR :
PUAN KALTHOM BINTI HUSAIN

PENOLONG KETUA EDITOR :
CIK FARADILA BINTI MD. YUSOF

WARTAWAN :
CIK AIDA BINTI SALLEH
ENCIK RUZAIMAN BIN ABDUL RAHMAN

GRAFIK & REKALETAK :
PUAN AZIZA MD BUANG

JURUFOTO :
ENCIK MD. NOR BIN MOHAMAD SALEH
PUAN NURULDAYU BINTI TALIB
ENCIK MOHD FARID BIN SUPANGI

PENGEDARAN :
PUAN MASWATEE BINTI ABDUL GHAFFAR
PUAN MARSITAH BINTI ABU BAKAR

**URUS
PUAN
azlina**

LG
173
.M44
.B47
2008
a
June

HARI PERTAMA NAIB CANSELOR KEDUA UTeM

16 Jun 2008 - Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan melaporkan diri sebagai Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Beliau disambut oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), pegawai-pegawai kanan serta staf UTeM dalam satu majlis ringkas pada pagi ini.

Pelantikan beliau sebagai Naib Canselor UTeM adalah bagi menggantikan Datuk Prof. Ir Ismail bin Hassan yang tamat tempoh perkhidmatan pada 15 Jun yang lepas. Prof Dr. Ahmad Yusoff dilantik sebagai Naib Canselor Kedua UTeM selama tiga tahun berkuatkuasa pada 16 Jun 2008. Beliau dilahirkan pada 15 April 1956.

Prof. Dr. Ahmad mempunyai Diploma Lanjutan Kebangsaan (Kejuruteraan) dari Worthing College of Further Education, United Kingdom sebelum meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Mekanikal dari University of Liverpool, United Kingdom. Seterusnya beliau meneruskan pengajian Sarjana dalam bidang Pengurusan, Bahan dan Logam dari University of Aston in Birmingham, United Kingdom. Beliau kemudian dianugerahkan Doktor Falsafah dalam Kejuruteraan dari University of Liverpool, United Kingdom.

Sebelum UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan adalah profesor yang mengetuai kajian dalam bidang Kejuruteraan BioMekanikal di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau berpengalaman luas dalam Mechanical Computer Aided Engineering (MCAE) CAD/CAM, FEM, Product Development Thermo-Mechanical Design of Electronic Packaging dan Advanced Manufacturing. Beliau adalah mantan Ketua Pegawai Maklumat, Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa USM. Penyelidikan yang beliau hasilkan telah mendapat pelbagai anugerah termasuk yang terbaru meraih pingat emas dalam Pameran ITEX 2008 serta Anugerah Khas untuk Best Invention in Industrial Design oleh Japanese Intellectual Property Association (JIPA) pada tahun ini.

Perpustakaan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka



NAIB CANSELOR UTeM KUNJUNG HORMAT TYT

17 Jun 2008 - Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan mengadakan satu kunjungan hormat terhadap Yang diPertua Negeri yang juga Canselor UTeM, Tun Mohd Khalil bin Yaakob di pajabatnya di Seri Negeri pada pagi ini.

Kunjungan yang julung kali diadakan Prof. Dr. Ahmad Yusoff ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan diri setelah dilantik sebagai Naib Canselor UTeM yang baru bagi menggantikan Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan yang telah tamat tempoh perkhidmatannya pada 15 Jun yang lepas. Beliau memulakan tugas di UTeM pada 16 Jun 2008 untuk selama tiga tahun.

Kunjungan tersebut telah diiringi oleh Pendaftar UTeM, Encik Hasan bin Sirun.



Pena KETUA EDITOR

Assalamualaikum wa-Rahmatullahi wa-Barakatuh & Salam Sejahtera...

Segala pujian bagi ALLAH SWT yang telah mengizinkan penerbitan Berita@UTeM edisi bulan Jun 2008.

Penerbitan Berita@UTeM satu wadah bagi merakamkan peristiwa yang dilalui oleh warga universiti. Diharapkan terbitan kali ini mampu melakarkan kesan di minda warga UTeM apabila Universiti melalui satu peristiwa yang menyaksikan perubahan dalam pengurusan tertinggi universiti. UTeM telah menerima pelantikan Naib Canselor yang kedua pada 16 Jun 2008.

Selain itu rentetan peristiwa-peristiwa lain yang juga berimbas seperti Kunjungan Hormat oleh Naib Canselor kepada Canselor, Hari Kualiti 2007 dan Minggu Haluan dan Kejayaan Penyelidik UTeM dalam Pameran INPEX 2008.

Dari masa ke masa sidang redaksi Berita@UTeM sentiasa mengharapkan sumbangan dari warga UTeM untuk sama-sama berkongsi maklumat aktiviti-aktiviti yang dianjurkan di setiap pusat tanggungjawab di UTeM. Perkongsian maklumat ini sedikit sebanyak akan dapat membantu warga UTeM memahami antara satu sama lain demi memperkasa universiti yang kita kasih ini.

Sehubungan dengan itu Sidang Redaksi mengalukan segala pandangan dan teguran bagi menjadikan Berita@UTeM ini lebih mantap.

Semoga bertemu lagi dalam terbitan Julai 2008 akan datang.

Salam penuh takzim dan Selamat Menyambut Bulan Rejab 1429 H
Wassalam

Kalthom binti Husain



92 TERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG UTeM

13 Jun 2008 - Seramai 92 orang staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) sempena Hari Kualiti UTeM yang diadakan di MITC, Ayer Keroh Melaka baru-baru ini. Mereka terdiri dari staf akademik, pengurusan & profesional dan sokongan. Anugerah telah disampaikan oleh Datuk Prof. Ir. Ismail bin Hassan, Naib Canselor UTeM.

Di dalam ucapannya Y. Bhg. Naib Canselor menyarankan agar prestasi universiti sentiasa mendepani arus kemajuan dengan mendukung misi dan visi, kearah melahirkan modal insan yang bijaksana, berkepimpinan dan berwawasan. Beliau menambah, kualiti keperibadian seharusnya diperkemaskan untuk mencapai keutuhan pengurusan akademik dan pentadbiran yang saling melengkapi antara satu sama lain.

Beliau menyeru agar warga universiti terus mengorak langkah, membuat anjakan paradigma untuk menerima perubahan dan berusaha untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran ICT. Beliau menyeru agar semua staf UTeM tidak seharusnya berpuashati serta menjadi selesa dan leka, sebaliknya perlu mengejar kualiti sepanjang masa. Kualiti perkhidmatan terus menjadi pemangkin, apabila berurus dengan agensi luar seperti Kementerian Pengajian Tinggi, universiti dalam dan luar negara, rakan industri, mahasiswa dan staf universiti sendiri katanya lagi.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah, pegawai-pegawai kanan universiti dan warga staf UTeM. Majlis turut diserikan dengan nyanyian koir tiga buah lagu iaitu 'Negaraku', 'Perkhidmatan Awam dan Kualiti', serta 'UTeM Terbilang' oleh Kelab Koir UTeM.

Penerima-penerima anugerah telah menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang, hadiah prestasi sebanyak RM1000, peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja, peluang keufamaan bagi pencalonan untuk menerima Pingat, Bintang dan Darjah Kebesaran Persekutuan dan Negeri juga nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai.

Hari Kualiti UTeM ini diadakan pada setiap tahun bagi dengan tujuan untuk meraikan staf yang memberikan dedikasi dan perkhidmatan yang cemerlang dalam tugas mereka sehingga dianugerahkan APC. Dengan adanya pengiktirafan seperti ini diharapkan agar semua staf akan meningkatkan prestasi dan mutu kerja yang diberikan saban tahun. Staf UTeM perlu menunjukkan prestasi yang baik semasa memberikan perkhidmatan kepada pelanggan kerana kecemerlangan universiti dapat dicapai apabila mempunyai staf yang berkeinginan dan sentiasa berusaha untuk melihat universiti berjaya dalam pelbagai bidang.



PENYELIDIK UTeM RAIH TUJUH PINGAT DI INPEX 2008

25 Jun 2008 - Pasukan penyelidik UTeM telah berjaya mengharumkan nama universiti dengan membawa pulang dua pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa dari Pameran Penyelidikan 'The Invention & New Products Exposition' (INPEX 2008). Pameran ini yang telah berlangsung pada 11 hingga 14 Jun 2008 di David Lawrence Convention Centre Pittsburgh, Pennsylvania USA. Ia merupakan pameran inovasi dagangan yang terbesar di Amerika dengan penyertaan dari lebih 40 buah negara di seluruh dunia.

Pameran penyelidikan ini cukup dikenali kerana mendapat sokongan penuh oleh kerajaan United State. Secara keseluruhan lebih 500 inovasi baru dipamerkan di sini dengan jumlah pengunjung yang menjangkaui 40,000 orang setiap tahun. Pameran ini menjadi platform terbaik penyelidik dari seluruh dunia untuk mempersembahkan ciptaan mereka di peringkat antarabangsa. Di pameran inilah penyelidik dari seluruh dunia berkumpul untuk mempersembahkan hasil penyelidikan mereka untuk mencari yang terbaik. Pada INPEX 2008, UTeM telah menghantar 10 projek penyelidikan hasil ciptaan para penyelidiknya.

Semua produk yang dipamerkan dalam penyelidikan ini telah melalui saringan ketat untuk memilih produk terbaik daripada 76 produk yang dihasilkan di UTeM. Dalam usaha mendapatkan produk yang berdaya saing, Pusat Universiti Industri telah menganjurkan Pameran Penyelidikan UTeM (UTeMEX 2008) pada 27 hingga 30 Mac 2008. Hasil dari UTeMEX 2008 itu, 18 produk penyelidikan telah dipilih untuk dipertandingkan di peringkat kebangsaan iaitu di Pameran ITEX 08 yang telah berlangsung pada 9 hingga 11 Mei 2008 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Selepas Pameran ITEX 08 itu, 10 produk yang terbaik telah dipilih untuk dipertandingkan di INPEX 2008 ini.

Pasukan penyelidik UTeM yang telah menyertai pameran ini telah mendapat pendedahan yang luas dalam bidang penyelidikan di peringkat antarabangsa. Kejayaan meraih pingat di Pameran Inovasi Dagangan Terbesar ini mampu menyuntik semangat buat semua penyelidik di UTeM menghasilkan produk yang berkualiti dan mampu diketengahkan. Kepada semua penyelidik yang berjaya meraih pingat di INPEX 2008, pihak universiti mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah.



BIL	TAJUK	KATEGORI	PINGAT	NAMA PENYELIDIK	WAKIL KE INPEX	FAKULTI
1.	Dual Polarized Antenna for WLAN Application (Gold Medal Award of Merit)	Telecommunication Design (Technical) Engineering		Mohd Zoinol Abidin Bin Abd Aziz Mohd Syaiful Redzwan b. Mohd Shah	Mohd Zoinol Abidin Bin Abd Aziz	FKEKK
2.	Meander Line Antenna	Telecommunication Design (Technical) Electrical & electronics		Mohd Zoinol Abidin Bin Abd Aziz Dallila binti Misnan	Mohd Zoinol Abidin Bin Abd Aziz	FKEKK
3.	Digital Advertisement Display System VIA SMS	Electrical & electronics Advertising Business Solutions	Gangsa Perak	Muhammad Herman bin Jamaludin Shahril b. Alias	Muhammad Herman bin Jamaludin	FKE
4.	Single LED Bending Machine Fixture	Manufacturing Engineering Industrial Equipment		Taufik Beh Teik Seong Prof. Dr. Mohd Razali b. Muhamad Prof. Dr. Md. Dan b. Hj. Md. Palli Shajahan Maidin		
5.	Kenaf Plates	Furniture Novelties/Household Agriculture	Emas Perak	Prof. Dr. Md. Dan b. Hj. Md. Palli Phongsakorn a/l Prak Tom Mohd Yuhazri b. Yaakob Khairol Salleh	Prof. Dr. Md. Dan b. Hj. Md. Palli	FKP
6.	DeCo Helmet (DeCoconut Fibre Helmet)	Safety & Security /Personal Novelties/Specialty Gifts Transportation & Vehicles		Prof. Dr. Md. Dan b. Hj. Md. Palli Mohd Yuhazri b. Yaakob Ahmad Firdaus b. Abd. Hadi		
7.	LPG two Stroke Generator Kit	Alternative Energy Environmental Hardware & Tools		Safarudin Gazali Herawan Mohd Ridzuan b. Jamil Asjufri b. Muhamir Suhalimi b. Misha		
8.	Anti Flood Valve : Saving Precious Water	Bath/Plumbing Household Novelties/Household	Perak	Safarudin Gazali Herawan Suhalimi b. Misha Mazlan b. Tumin Mohd Raduan b. Khalil	Suhalimi b. Misha	FKM
9.	Interoperable and Mobile Location Based Service for Emergency	Computer Software Transportation & Vehicles Safety & Security /Personal		Prof. Dr. Nanna Suryana Herman Prof. Dr. Shahrin Sahib Nur Zatul Iffah		
10.	KBLexis	Computer Software Education Infant & Childcare	Gangsa	Zeratul Izzah bte Mohd Yusoh	Zeratul Izzah bte Mohd Yusoh	FTMK

LAWATAN KERJA RASMI DI AUSTRALIA

Selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi yang telah meletakkan elemen 'Mempergiatkan Pengantarabangsaan' sebagai salah satu teras penting dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara maka UTeM amat mengambil berat mengenai aktiviti pengantarabangsaannya. Oleh yang demikian satu lawatan rasmi ke universiti-universiti di Australia telah diadakan pada 24 Mei sehingga 1 Jun 2008. Program ini telah disertai oleh Naib Canselor UTeM, Datuk Prof. Ismail bin Hassan yang diiringi oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah, Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin dan Ketua Penolong Pendaftar Bahagian Pembangunan Akademik dan Antarabangsa, Puan Sharifah Nurul Faridah binti Syed Abu Bakar.

Beberapa universiti ternama di Australia telah dipilih untuk dilawati sepanjang program itu. Pada 26 Mei 2008, delegasi UTeM telah mengadakan lawatan ke Queensland University of Technology (QUT). Lawatan ini adalah lawatan kedua susulan dari lawatan pertama yang telah dibuat pada 24 April 2007. Pihak QUT juga telah membuat lawatan balas ke UTeM yang diwakili oleh Dr Jason Watson dan Meera Nair pada Julai 2007. QUT adalah antara universiti yang terbesar di Australia dengan jumlah pelajar melebihi 40,000 orang dan 12 peratusnya terdiri dari pelajar antarabangsa. Lawatan UTeM ini telah berjaya membawa kepada perjanjian persefahaman yang ditandatangani untuk tempoh lima tahun. Perjanjian tersebut telah ditandatangani dalam satu majlis ringkas diwakili oleh Naib Canselor UTeM, Datuk Prof Ismail bin Hassan dan Naib Canselor QUT, Prof Peter Coaldrae.

Seterusnya pada 29 Mei 2008, delegasi UTeM meneruskan rangka lawatan ke University of South Australia (UniSA) yang terletak di Adelaide. Pada tahun 2005, Naib Canselor UTeM selaku Rektor KUTKM ketika itu telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan pihak UniSA yang telah diwakili oleh Dr Anna Ciccarelli. Perjanjian yang telah ditandatangani itu telah tamat tempoh pada 1 Februari 2008. Lawatan yang diadakan ini dengan tujuan untuk memperbaharui perjanjian tersebut yang telah diadakan di Mawson Lake Campus. Pihak UniSA juga telah meraikan delegasi UTeM dalam satu majlis makan malam sebagai tanda jalinan perhubungan yang berterusan antara kedua-dua pihak untuk kemajuan bersama.

Universiti terakhir yang menjadi destinasi delegasi UTeM ialah University of Sydney (USyd). Lawatan yang pertama ke USyd yang telah dilakukan pada 30 Mei 2008 ini telah membuka ruang terjalannya kerjasama melalui penyelidikan terutamanya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat dan pertukaran staf. USyd adalah universiti yang pertama ditubuhkan di Australia iaitu pada tahun 1850. Ia merupakan sebuah universiti yang terkemuka dari sudut pembelajaran dan sebagai sebuah pusat kecemerlangan penyelidikan. Dalam lawatan ini delegasi juga telah dibawa melawat sekitar kampus untuk melihat kemudahan dan prasarana yang disediakan di situ.

Program Lawatan Kerja Rasmi ke universiti-universiti di Australia ini telah berjaya mengukuhkan hubungan yang telah terjalin terutamanya dengan UniSA dan QUT selain membuka satu peluang kerjasama baru dengan universiti tersohor di Australia iaitu USyd. Secara keseluruhan, lawatan ini mampu membantu meningkatkan tahap kualiti dan daya saing universiti untuk menjadi universiti teknikal bertaraf dunia. Perkongsian maklumat dan kepakaran dengan universiti yang telah bertapak kukuh akan memberi manfaat kepada seluruh warga UTeM bagi menjadikan universiti sebagai sebuah pusat keilmuan berdasarkan teknikal yang terunggul.



ORKESTRA UTeM DIRAI

14 Jun 2008 - Kumpulan Orkestra UTeM diraikan penuh meriah dalam Majlis Simfoni Orkestra UTeM 2008. Majlis ini telah diadakan di Pusat Dagangan Antarabangsa (MITC) bermula pada jam 8.30 malam.

Majlis Malam Simfoni Orkestra UTeM 2008 itu telah diserikan dengan kehadiran Yang diPertua Negeri yang juga Canselor UTeM, Tun Mohd Khalil Yaakob dan isteri, Toh Puan Zurina Kassim. Hadir dama ialah Naib Canselor UTeM, Datuk Ismail bin Hassan dan isteri, Datin Noor Khayatee Adhan; Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Dr. Mohd Taib bin Hashim serta kakitangan UTeM. Kumpulan ini telah mempersembahkan 16 buah lagu yang telah didendangkan oleh lima penuntut UTeM.

Kumpulan orkestra yang terdiri daripada 30 ahli ini ditubuhkan sejak tahun 2005 dan telah banyak menyumbangkan kejayaan yang membanggakan kepada UTeM. Kumpulan ini telah menjuarai 'Fiesta Muzika MAKUM' sebanyak dua kali berturut-turut iaitu pada tahun 2007 dan 2008. Kumpulan ini juga pernah menjayakan persembahan di sambutan 'Ambang Kemerdekaan 2007' dan 'Persempahan Diraja MUSO 2006'.

Fiesta Muzika MAKUM 2008 yang berlangsung di Dewan Kapitol Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Kangar, pada Mac yang lalu disertai oleh kumpulan orkestra dari seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari seluruh Malaysia. Kumpulan orkestra UTeM ini telah berjaya menewaskan lima kumpulan IPTA lain yang turut bertanding di peringkat akhir. Dengan mendendangkan lagu 'Tanya Sama Itu Hud-Hud' dan sebuah lagu Inggeris bertajuk 'I'm Telling You I'm Not Going', mereka membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000, piala pusingan, piala iringan dan hamper. Tempat kedua telah dimenangi kumpulan dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan tempat ketiga pula dimenangi kumpulan dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Pertandingan ini telah diadili oleh tiga juri profesional dan berpengalaman dalam bidang muzik iaitu Pengarah Muzik RTM, Datuk Mokhzani Ismail yang turut bertindak sebagai ketua juri; penyanyi, Ramli Sarip dan pemain gitar terkenal, Man Kidal. Menurut Datuk Mokhzani, pertandingan yang dianjurkan itu bukan sekadar inginkan penyertaan dari kalangan penuntut IPTA malah ia merupakan satu pertandingan yang berprestij yang berjaya mencungkil bakat-bakat seni dan muzik di kalangan pelajar IPTA.

Kejayaan yang diraih oleh kumpulan ini telah membuktikan bahawa mahasiswa dan mahasiswi yang kesemuanya menuntut dalam bidang kejuruteraan dan teknikal mampu menonjolkan bakat yang lain sama sekali daripada apa yang dipelajari mereka di universiti. Pihak universiti juga bangga dengan pencapaian kumpulan orkestra ini dan sentiasa menggalakkan para pelajarannya untuk bergiat aktif dalam pelbagai untuk supaya mampu menjadi graduan yang sempurna dari segi sahsiah dan fizikal.



AKTIVITI-AKTIVITI UTeM :: JUN-JULAI 2008

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	ANJURAN
1.	Majlis Bacaan Yasin dan Tahli UTeM Bil 4/2008	12-Jun-08	Bilik Kuliah 5 & 6, Bangunan Akademik Kampus Industri	FKP
2.	Perasmian Self Access Language Lab (SALL)	13-Jun-08	Kampus Industri	"Pusat Bahasa & Pembangunan Insan"
3.	"Ceramah Kerjaya Dan Motivasi Pelajar Tingkatan	17-Jun-08	"Dewan UTeM dan Makmal FKP, Kampus Industri"	FKP
4.	Lawatan Korea & Pengerusi LPU ke Dusun Durian, Durian Tunggal	18-Jun-08	Kampus Induk	Bahagian Pembangunan Akademik & Antarabangsa
5.	Lawatan KSU Kementerian Pengajian Tinggi Ke UTeM 2008	23-Jun-08	Kampus Induk	Canselor
6.	Kunjungan Hormat Pengerusi LPU & Naib Canselor ke Pejabat Ketua Menteri Melaka	1 Julai 2008	Seri Negeri, Melaka	Canselor
7.	"Bengkel Pemantapan Operasi Pusat Universiti Industri (UNIC)"	4 - 6 Julai 2008	Terengganu	Pusat Universiti Industri
8.	PC Fair UTeM 2008	8 - 10 Julai 2008	Dewan UTeM 1, Bangunan Canselor, UTeM	Pusat Komputer
9.	Ziarah Seni & Perkongsian Budaya 2008	11 - 13 Julai 2008	"Universiti Malaysia Kelantan (UMK) & Universiti Malaysia Terengganu (UMT)"	"Majlis Perwakilan Pelajar & Hal Ehwal Pelajar & Alumni"
10.	Kempen Derma Darah	11 Julai 2008	Kafeteria, Kampus Industri	Pejabat Pembangunan
11.	Perhimpunan Bulanan UTeM Bil. 6/2008	15 Julai 2008	Kafeteria, Kampus Industri	Hal Ehwal Pelajar & Alumni
12.	Lawatan Kunjung Hormat Y.B. Datuk Hj. Ab. Wahab bin Hj. ADUN Durian Tunggal, Melaka ke Kampus Induk, UTeM	16 Julai 2008	"Kampus Induk, Durian Tunggal"	Bahagian Pembangunan Akademik & Antarabangsa
13.	"Program Khidmat Masyarakat(Anakku Permata Bistari)"	19 Julai 2008	Kafeteria, Kampus Industri	Pusat Bahasa & Pembangunan Insan dengan kerjasama Sri Kesidang dan Pusat Pendidikan & Penjaga Kanak-kanak (PPKK)
14.	Ceramah keselamatan Anjuran Pejabat Pendaftar (Jenayah Harta Benda & Cara Pencegahan)	24 Julai 2008	Kafeteria, Kampus Industri	Unit Keselamatan, Pendaftar

PEJABAT CANSELORI TUAN RUMAH PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA NAIB CANSELOR UTeM BIL. 5/2008



UCAPAN BALAS NAIB CANSELOR DALAM PERHIMPUNAN BULANAN

“NILAI SEMULA PRESTASI KERJA”

4 JUN 2008 - Semua kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) diseru untuk menilai semula prestasi kerja masing-masing supaya dapat dijadikan panduan. Penilaian yang telah dilakukan ini adalah penting selepas menetapkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang dilakukan pada setiap tahun.

Demikianlah sedikit pesanan yang diberikan oleh Naib Canselor UTeM, Datuk Prof. Ismail bin Hassan dalam ucapan balasnya semasa Perhimpunan Bulanan bersama Naib Canselor UTeM Bil. 5/2008. Ucapan ini diberikan sejurus selepas Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah memberikan ucapan selaku penganjur majlis. Menurut Datuk Prof Ismail lagi, masa pertengahan tahun inilah ketika yang paling sesuai untuk melihat tahap keberkesanan prestasi kerja masing-masing. Ini untuk memastikan universiti akan bergerak seiring dengan negara demi mencapai kemajuan.

Selain itu beliau juga turut menyentuh isu penarafan universiti yang mendapat hanya dua bintang oleh Sistem MyMoses yang diselaraskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Walaupun penarafan ini baru pertama kali dilakukan namun semua pihak harus mengambil serius mengenai perkara ini kerana ia melambangkan kecekapan dan ketepatan sistem di universiti. Beliau mahu selepas ini UTeM hendaklah menetapkan sasaran enam bintang dalam penarafan ini dengan mengambil langkah-langkah penambahbaikan yang sewajarnya.

Di samping itu beliau juga mahu semua warga UTeM mengambil kesempatan untuk memanfaatkan perjanjian persefahaman yang telah ditandatangani bersama beberapa universiti terbaik di dunia. Aktiviti penyelidikan hendaklah dirancakkan dan penghantaran staf boleh dilakukan untuk menjadikan hubungan yang dijalin itu aktif. Beliau mengakhiri ucapannya dengan mengucapkan syabas kepada semua atlit yang telah mendapat pingat di MTUN Sports Meet sehingga menjadikan UTeM berjaya menjadi johan keseluruhan.



4 JUN 2008 - Pejabat Canselor menjadi tuan rumah bagi Perhimpunan Bulanan bersama Naib Canselor UTeM Bil. 5/2008 yang telah berlangsung di Kafeteria, Kampus Industri UTeM. Perhimpunan yang bermula pada jam 8.00 pagi itu turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dan semua staf UTeM.

Sebagai wakil penganjur, Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah telah memberikan ucapan untuk menerangkan mengenai Pejabat Canselor secara ringkas. Dalam ucapannya beliau menyatakan bahawa kewujudan Canselor adalah suatu yang signifikan dalam pengurusan sesebuah Institusi Pengajaran Tinggi. Canselor mempunyai peranan yang saling melengkapi antara keperluan akademik dan pentadbiran, malah menjadi penentu kepada susun atur perjalanan pengurusan universiti. Penglibatan Canselor dalam menjalankan kerja-kerja pentadbiran serta merangka polisi atau dasar serta menggubahnya di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTj) memperlihatkan Canselor sebagai 'House of Power'. Seperti dalam pemerintahan negara, Jabatan Perdana Menteri yang memainkan peranan penting begitulah juga persamaan Canselor dalam sistem pengurusan di UTeM.

Sejak penubuhan UTeM yang pada awalnya sebagai Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), Canselor telah mengalami beberapa perubahan dalam penstrukturannya. Ketika ini Canselor diangotai oleh pejabat-pejabat yang menjadi tunjang utama universiti iaitu Pejabat Naib Canselor, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Pejabat Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Ia turut dianggotai oleh Bahagian Khidmat Pengurusan, Unit Audit Dalaman, Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat, Bahagian Kesejahteraan Personel. Pada tahun 2007, Pusat Islam dan Pusat Sukan telah ditubuhkan yang turut berada di bawah teraju Canselor.

Namun begitu, kecemerlangan universiti tidak hanya bersandar kepada kekuatan yang ada pada Canselor sahaja. Ia memerlukan satu usaha penggembangan tenaga, kerjasama dan kesepekan dari seluruh warga UTeM. Dengan siapnya bangunan Canselor di Kampus Induk yang dijangka boleh mula diduduki pada bulan September tahun ini diharapkan akan mampu menyuntik semangat untuk semua staf Canselor berkhidmat dengan lebih baik lagi. Sebagai penutup, Dato' Prof. Dr Abu mengucapkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga UTeM yang telah memberi komitmen yang baik sehingga hari ini.

Ucapan balas oleh Naib Canselor UTeM menyusul selepas itu ucapan oleh Dato' Prof. Dr. Abu. Majlis diakhiri dengan upacara penyerahan 'Jalur Gemilang' dan bendera UTeM sebagai simbolik sokongan padu kepada pasukan penyelidik UTeM yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohammad Diah yang akan berlepas ke Pittsburgh, USA untuk menyertai Pameran Penyelidikan 'Invention and New Product Exposition (INPEX 2008)' di sana. Selain mereka, penyerahan bendera UTeM juga turut dilakukan kepada kontinjen sukan UTeM yang akan berlepas ke Universiti Malaysia Sarawak untuk menyertai Kejohanan Sukan Staf antara Universiti Malaysia (MASUM) ke 33.



PENDAFTARAN PELAJAR BARU UTeM SESI 2008/2009

29 Jun 2008 - Seramai 1,537 orang pelajar berbilang kaum dari seluruh Malaysia mendaftarkan diri di UTeM hari ini. Kampus Industri UTeM di Ayer Keroh dipenuhi dengan pelajar dan keluarga seawal jam 7.30 pagi untuk pendaftaran bagi sesi kemasukan 2008/2009.

Dalam sesi kemasukan tahun ini, UTeM turut menerima kemasukan 15 orang pelajar dari luar negara termasuk Indonesia dan Tanzania. Sesi kemasukan ini menyaksikan pecahan peratusan 61% siswa dan 39% siswi yang mendaftarkan diri di UTeM. Bagi memudahkan dan menjadikan sistem pendaftaran yang efisien dan cekap, UTeM telah mempraktikkan sistem pendaftaran dalam talian yang mana sistem ini telah digunakan pada sesi kemasukan yang lalu.

Menurut Ketua Penolong Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik, Encik Misdom bin Lan, dengan adanya kaedah ini, masalah tidak akan berlaku kerana setiap kali melakukan sesi pendaftaran secara automatik bilangan pelajar akan terpapar di skrin yang dipasang selain mempercepatkan tugas pihak urusetia.

Semasa sesi pendaftaran ini juga pihak universiti turut menganjurkan pameran dan sesi taklimat oleh semua dekan fakulti. Dalam sesi taklimat itu juga diadakan sesi soal jawab bagi memberikan maklumat secara langsung kepada kemasykitan atau persoalan oleh ibu bapa. Ahli keluarga dan ibu bapa yang mengiringi pelajar dalam sesi pendaftaran ini tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan informasi dan maklumat mengenai UTeM yang akan menjadi tempat untuk anak-anak mereka meneruskan pengajian selama tiga hingga empat tahun yang akan datang.

Dekan-dekan yang memberikan taklimat juga menyampaikan mesej yang amat berguna kepada ibu bapa dan keluarga para pelajar agar mengambil berat mengenai hal ehwal anak-anak mereka semasa berada dalam pengajian kelak kerana sikap mengambil berat ini akan membantu para pelajar untuk memberikan sepenuh tumpuan kepada pelajaran dan mendapatkan CGPA yang terbaik selain mempunyai sahsiah yang sempurna. Pihak universiti sentiasa berusaha untuk memberikan pendidikan yang terbaik namun ibu bapa juga perlu bekerjasama untuk memastikan anak-anak mereka mencapai kecemerlangan di universiti dan menjadi graduan teknikal yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi.




Tahniah



**KENAICKAN PANGKAT
JAWATAN PROFESOR
GRED KHAS 'B' (VK6)**

Dato' Prof. Dr. Abu bin Abdullah
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)



Profesor Dr. Zolkepli bin Buang
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan



Profesor Dr. Md. Radzai bin Said
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

**KENAICKAN PANGKAT
JAWATAN PROFESOR GRED KHAS 'C' (VK7)**